



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 12 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	USAHAWAN SARAWAK DIPERKASA MELALUI SKIM KREDIT MIKRO DARIPADA AGROBANK, UTUSAN BORNEO -ONLINE MAT SABU: S'WAK REVIVING AGRI SECTOR FOR FOOD SECURITY, NATION, THE STAR -2 ESTET IKAN JADI LOKASI TUMPUAN PESTA MENGOCA, DALAM NEGERI, UM -36	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5. 6. 7. 8. 9.	DVS: CAT PICTURES HANGING FROM VEHICLE DOING WELL, NST -ONLINE BUKAN DERA TAPI TAK SEDAR KUCING KELUAR DARI KERETA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE STRAY CAT HUNG BY NECK FROM PICK-UP TRUCK SURVIVES, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE POLICE RECEIVE REPORT ON CAT DRAGGED BY 4WD, JPV OPENS IP, BERNAMA -ONLINE VIRAL STRAY CAT HUNG BY NECK FROM PICK-UP TRUCK SURVIVES, DAILY ESKPRESS -ONLINE KUCING TULAR DIJERUT LEHER KINI DALAM JAGAAN VETERINAR, BERITA RTM -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
10. 11. 12. 13.	SELAMAT DIMAKAN, MUKA DEPAN, UM -1 KUPANG: NELAYAN PASIR PANJANG TARIK NAFAS LEGA, DALAM NEGERI, UM -6 BANTU PROMOSIKAN SEMULA KUPANG PORT DICKSON, DALAM NEGERI, UM -6 SELAMAT UNTUK DIMAKAN, LOKAL, HM -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14. 15. 16.	DURIAN KLON MARDI, K2, KOSMO -19 NIKMATI DURIAN SEGAR DARI LADANG, K2, KOSMO -20 DURIAN MDUR 88 BANTU IMBANGI HARGA PASARAN, K2, KOSMO -21	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
17. 18. 19. 20. 21. 22.	MELAKA BEKERJASAMA DENGAN LPNM UNTUK HAB PROMOSI NANAS KEPADA PELANCONG LUAR NEGARA, BERNAMA -ONLINE MELAKA 'DUTA' PROMOSI NANAS, MELAKA HARI INI -ONLINE AGROPELANCONGAN NANAS DI MELAKA, MELAKA HARI INI -ONLINE AGIH 1,500 NANAS KEPADA PELANCONG, LOKAL, HM -7 MIRI PENERAJU VARIETI NANAS SG1 DI MALAYSIA, LOKAL, HM -7 MELAKA GOING BANANAS OVER PINEAPPLES, NATION, THE STAR -6	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31.	BENTENG DALAM SUNGAI MAMPU SELAMATKAN PADI DI KELANTAN, DALAM NEGERI, UM -38 DURIAN KAMPUNG MURAH, BANYAK 'GAS', NEGARA, KOSMO -16 TEMPOH PULANGAN MODAL UNTUK DURIAN LEBIH PANJANG, PASARAN RINGGIT, UM -30 PENTERNAK AYAM RUGI AKIBAT KURANG PERMINTAAN DI PASARAN, NASIONAL, BH -16 MSU PERKASA KOMUNITI PELIHARA TERUMBU KARANG, K2, KOSMO -30 VEGE PRICES BACK TO NORMAL, NATION, THE STAR -7 BERPOTENSI JADI IKON LAPANGAN, LOKAL, HM -11 BANCİ PERTANIAN PENTİNG UNTUK BERGERAK KE PRİNGKAT BAHARU, NASIONAL, BH -12 'JOHOR FARMERS CAN BE LEADERS', NST -10	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Usahawan Sarawak diperkasa melalui Skim Kredit Mikro daripada Agrobank



Mohamad (lima kiri), Dr Abdul Rahman (enam kiri) dan tetamu bersama penerima dan wakil penerima bantuan pada MAHA di Miri semalam.

MIRI: Sejumlah RM1.1 juta Skim Kredit Mikro Sarawak daripada Agrobank disampaikan pada Majlis Peluncuran Mini Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) Sarawak di sini malam tadi.

Bantuan geran insentif itu bagi memperkasa komuniti usahawan di negeri ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu hadir menyampaikan replika cek kepada penerima.

Bantuan pertama ialah Geran Pusat Agro Pelancongan dengan nilai maksimum RM200,000 ditawarkan kepada pengusaha yang berpotensi bagi membantu menaik taraf infrastruktur sedia ada di pusat pelancongan mereka.

Program diperkenalkan pada 2016 dengan matlamat menggalakkan pertumbuhan pusat-pusat pelancongan berteraskan aktiviti pertanian.

Penerima ialah Nurfayzah Abdul Aziz dari Petanak Beach Chalet & Cafe Mukah.

Bantuan kedua ialah Dana Pembiayaan Skim Kredit Sarawak berjumlah RM818,000. Hadir mewakili penerima ialah Chai Lik Yang.

Skim ini merupakan dana diperuntukkan oleh Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan dalam usaha mempergiat industri agromakanan terutama di negeri ini.

Setakat Julai 2024, Agrobank Sarawak meluluskan dana pembiayaan bernilai RM95.4 juta merangkumi seramai 2,758 peserta.

Majlis diteruskan dengan penyampaian replika cek Kelulusan Dana Pembiayaan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berjumlah RM6.23 juta kepada wakil penerima Dato Yap Foot Loi.

KPKM telah mengamanahkan Agrobank dalam menguruskan dana pembangunan bagi industri pertanian dan keterjaminan makanan.

Tiga dana diluluskan bagi tujuan tersebut iaitu Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM), Dana Pembiayaan Agromakanan (DPA) dan Program Modernisasi Rantaian Nilai Agromakanan (PMRNA).

Mengenai Jelajah Road To MAHA 2024 Sarawak, aktiviti bermula dari Lawas hingga ke bandar raya Miri bagi mempromosikan acara mega dwitahunan iaitu MAHA.

Meraikan 100 tahun penganjuran, MAHA edisi tahun ini memberi penekanan kepada elemen mengangkat MAHA ke peringkat antarabangsa.

Ia melibatkan penyertaan pelbagai negara, mencetus pembangunan daya tahan dalam sektor keterjaminan makanan dan mengangkat minat golongan muda untuk turut serta dan menjadikan sektor itu sebagai sumber pendapatan utama.

Majlis diteruskan dengan gimik sambutan bulan kemerdekaan dengan nyanyian dan kibarkan Jalur Gemilang bersama artis Bob Yusuf dan Ramles Walter.

Hadir sama Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Datuk Dr Abdul Rahman Ismail, Ketua Setiausaha KPKM Datuk Lokman Hakim Ali, Setiausaha Tetap KPKM Wilayah Sarawak Sirai Doha, Pengerusi Lembaga Pertanian Persekutuan Malaysia (FAMA) Aminuddin Zulkipli, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Dato Fadzil dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Mat Sabu: S'wak reviving agri sector for food security

MIRI: Sarawak is reviving its agricultural sector with pineapple and rice being the main focus in an effort to address food security in Malaysia, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said the ministry was willing to spend more in the agricultural sector to guarantee future food security.

"That's why every time I speak, I always emphasise food security, so no one should question why the allocation for rice is so large.

"I hope that those involved can ensure Sarawak becomes the leading state in Malaysia's food security strategy," he said after a goodwill programme with fishermen in conjunction with the Road to Malaysian Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition (Maha) tour here yesterday.

He also urged entrepreneurs in Sarawak to take part in Maha 2024, to be held at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang from Sept 11 to 22, Bernama reported.

Speaking at the event, Mohamad added the fishing community was also important as they contribute to ensuring a sufficient food supply in the country.

"That's why the government, through the Fisheries Development Authority of Malaysia, continues to provide fishermen's livelihood allowance to 38,000 fishermen throughout Malaysia with an allocation of RM136.8mil.

"Out of that number, a total of 5,490 recipients are from Sarawak," he said.

The minister added that the government also provided fishermen in the state with other forms of aid such as the B40 fishermen's capacity building programme, fishing community fishing facility development, large-scale expansion for fishermen's association communities, improvement or upgrading of jetty infrastructure facilities, development of clustered fishermen's association economic projects, and the agro-food mechanisation and automation programme. ●

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36

Estet Ikan jadi lokasi tumpuan pesta mengoca

TAMPIN: Kolam terbiar dalam kawasan tanah adat di Kampung Sungai Jerneh, Gemencheh di sini menjadi tumpuan ramai apabila menjadi lokasi acara mengoca atau menangkap ikan menggunakan tangan sejak dua tahun lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemencheh, Suhaimi-zan Bizar berkata, kolam terbiar itu dibangunkan semula dengan ternakan ikan air tawar selain menjadi lokasi riadah.

“Melihat kepada sambutan positif orang ramai, pesta mengoca diadakan bermula 2022 dan penganjuran tahun ini diserikan dengan acara melepaskan 15 ekor itik ke dalam kolam yang dikingirakan.

“Program ini adalah untuk

membudayakan aktiviti mengoca bagi masyarakat kampung di samping mengeratkan silaturahim antara peserta. Sasaran kita pada masa hadapan agar ia dijalankan lebih meriah dengan pelbagai aktiviti sampingan,” katanya di sini, baru-baru ini.

Program Pesta Mengoca myKP Sungai Jerneh itu dirasmikan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup.

Sementara itu, seorang peserta, Zulkarnain Md. Zin, 38, dari Jemapoh, Kuala Pilah, berkata, dia tidak pernah mengikuti mana-mana aktiviti mengoca dan mengakui teruja untuk menyertai program tersebut buat kali pertama.

Menurutnya, walaupun tidak

menawarkan sebarang hadiah, dia seronok kerana dapat berkumpul dengan ramai peserta dari pelbagai latar belakang, sekali gus menghidupkan semula aktiviti masyarakat seperti mengoca.

“Memang seronok kerana ikan yang ditangkap seperti tilapia ini boleh dibawa pulang, saya harap program seumpama ini dapat diteruskan pada setiap tahun,” katanya.

Sementara itu, Arthur berkata, Estet Ikan yang dikendalikan oleh myKP Sungai Jerneh adalah satu daripada inisiatif Jabatan Perikanan bagi meningkatkan kadar pengeluaran ikan air tawar, terutama di kawasan tanah terbiar yang berpotensi untuk dimajukan.



KIRA-KIRA 300 orang menyertai Program Pesta Mengoca myKP Sungai Jerneh di Kampung Sungai Jerneh, Gemencheh, Tampin, Negeri Sembilan. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	NST	ONLINE	

DVS: Cat pictured hanging from vehicle doing well [WATCH]



BUKIT MERTAJAM: The cat seen in a viral picture with a rope tied around its neck and hanging from the rear of a four-wheel vehicle is doing well.

Penang Veterinary Services Department director Dr Saira Banu Mohamed Rejab said the cat had been treated.

"Our officers gave the cat an injection and it is doing well. Just some minor bruises.

"The cat will remain under our care," she said at the state DVS office in Bukit Tengah, near here, today.

She showed newsmen a photo of the cat, saying that she could not bring the feline out so as not to stress it.

A picture of the cat hanging from a vehicle had gone viral, sparking outrage among netizens.

Dr Saira Banu said the department had recorded statements from a man, in his 30s, who was driving the four-wheel vehicle and the vehicle's owner.



Dr Saira Banu said the suspect who drove the four-wheel drive claimed he was taking the stray cat to the vet for treatment.- NSTP/DANIAL SAAD

The vehicle had been seized for investigation.

Penang DVS opened an investigation paper into the case under Paragraph 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015.

Dr Saira Banu said the suspect who drove the four-wheel drive claimed he was taking the stray cat to the vet for treatment.

She said he claimed to have placed the cat under a basket at the back of the vehicle.

She said he claimed that the basket flew off, causing the cat to fall off with a rope tied around its neck.

"Another driver followed the four-wheel drive to alert him to what happened.

"The way he handled the cat was not right. It should have been placed inside a carrier inside the vehicle," Dr Saira Banu said.



Penang Veterinary Services Department director Dr Saira Banu Mohamed Rejab said the cat had been treated. - NSTP/DANIAL SAAD

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Bukan dera tapi tak sedar kucing keluar dari kereta



Gambar tular menunjukkan seekor kucing berada dalam keadaan tergantung di belakang sebuah pacuan empat roda dalam kejadian di Simpang Ampat, Pulau Pinang.

NIBONG TEBAL – Pemandu pacuan empat roda yang tular mengheret kucing dalam kejadian di Simpang Ampat di sini mendakwa haiwan itu tergantung

selepas cuba keluar daripada kenderaan tanpa disedarinya.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan, Superintendan Chong Boo Khim berkata, hasil siasatan mendapati lelaki tempatan itu menemui seekor kucing jalanan berhampiran rumahnya dalam keadaan tidak terurus sebelum membawa haiwan berkenaan ke klinik untuk dimandulkan.

“Lelaki berkenaan membawa kucing itu dalam pacuan empat roda ke sebuah klinik haiwan di Simpang Ampat di sini namun dia tidak menyedari haiwan yang ditempatkan di bahagian belakang itu cuba melompat keluar sehingga berada dalam keadaan tergantung.

“Bagaimanapun, sebaik tiba di klinik berkenaan baru dia sedar keadaan haiwan itu sebelum segera membuk ikatan tali pada leher kucing tersebut,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Polis menerima satu laporan berkenaan kes tular tersebut pada jam 5.29 petang semalam.

Tambah Boo Khim, kes berkenaan telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk siasatan lanjut.

“Sehubungan itu, kita harap orang ramai tidak manipulasikan kes viral yang boleh menyebabkan kekeliruan selain disarankan mendapatkan maklumat daripada sumber sah,” katanya.

MalaysiaGazette semalam melaporkan JPV Pulau Pinang telah mengambil tindakan susulan video tular menunjukkan seekor kucing dijerut pada bahagian leher sebelum diseret menggunakan sebuah pacuan empat roda dalam kejadian di Simpang Ampat.

Pengarah JPV negeri, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab berkata, pihaknya membuka kertas siasatan berhubung kejadian itu di bawah perenggan Akta Kebajikan Haiwan 2015. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	FREE MALAYSIA	ONLINE	
	TODAY		

Stray cat hung by neck from pick-up truck survives



The 18-month-old cat survived the journey through Bukit Tambun and is expected to make a full recovery.

BUKIT MERTA JAM:

A female stray cat is reported to be in good spirits after surviving a horrifying ordeal where it was dragged by the neck, hanging from a tether tied to

the back of a pick-up truck.

The incident was caught on video and has since gone viral, igniting widespread outrage on social media.

The cat, about 18 months old and weighing 2.8kg, sustained multiple injuries but is expected to make a full recovery, the Penang veterinary services department (DVS) said.

State DVS director Dr Saira Banu Rejab said the driver will likely be charged under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015 for animal abuse.

The truck has also been seized as part of the investigation, she told reporters here.

Saira said the incident took place on Jalan Merak Jaya 5 in Simpang Ampat, Tambun. Enforcement officers approached the owner of the vehicle, who said it was driven by someone else at the time of the incident, she said.



The cat hanging by its neck from the pick-up truck.

She said the cat is now in the care of Penang DVS.

We are monitoring her condition, and she is stable at this time,

she said.

The vehicle owner could face a fine of between RM20,000 and RM100,000, imprisonment for up to three years, or both, if convicted. Saira said the investigation paper will be forwarded to the prosecutor's office soon.

Earlier today, police said the cat had not been hung deliberately.

Seberang Perai Selatan police chief Chong Boo Khim said the driver was taking the cat to a veterinary clinic in Simpang Ampat when it jumped out of the back of his vehicle, hanging itself in the process.

The driver only realised what had happened upon arriving at the clinic.

The DVS has called on the public and animal welfare groups to report incidents of animal cruelty directly through the MyAnimalWelfare portal.

It said people should not take matters into their own hands, which could hinder official investigations.

GENERAL

Police Receive Report On Cat Dragged By 4WD, JPV Opens IP

🕒 09/08/2024 06:26 PM



NIBONG TEBAL, Aug 9 (Bernama) --The police confirmed receiving a report over a video showing a cat being dragged by its neck and hanging from the back of a four-wheel-drive (4WD) vehicle at Jalan Merak 5, Simpang Ampat, here yesterday.

Seberang Perai Selatan (SPS) District Police Chief Supt Chong Boo Khim said the police received the report at 5.29 pm yesterday.

He said that based on a preliminary investigation, the 4WD driver, who is a local man, was not aware of the incident.

"He had found the cat and then took the animal to a (veterinary)

the cat, which was placed in the back of the vehicle had tried to jump out and got itself strangled," he said in a statement today.

He said the man only realised the cat was dragged by the neck after arriving at the clinic.

Chong said the case had been referred to the Penang Veterinary Services Department (JPV) for further action.

He also advised the public not to manipulate viral cases as it could confuse others.

Meanwhile, Penang JPV director Dr Saira Banu Mohamed Rejab said the department had recorded the statement of the 4WD driver, who is in his 30s.

We have also opened an investigation paper and the case is investigated under section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015, she said.

-- BERNAMA

BERNAMA provides up-to-date authentic and comprehensive news and information which are disseminated via BERNAMA Wires; www.bernama.com; BERNAMA TV on Astro 502, unifi TV 631 and MYTV 121 channels and BERNAMA Radio on FM93.9 (Klang Valley), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) and FM100.9 (Kuching) frequencies.

Follow us on social media :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KEYWORDS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	DAILY EKSPRESS	ONLINE	

Viral stray cat hung by neck from pick-up truck survives



The cat hanging by its neck from the pick-up truck. (FMT collage)

BUKIT MERTAJAM: A female stray cat is reported to be in good spirits after surviving a horrifying ordeal where it was dragged by the neck, hanging from a tether tied to the back of a pick-up truck.

The incident was caught on video and has since gone viral, igniting widespread outrage on social media.

The cat, about 18 months old and weighing 2.8kg, sustained multiple injuries but is expected to make a full recovery, the Penang veterinary services department (DVS) said.

State DVS director Dr Saira Banu Rejab said the driver will likely be charged under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015 for animal abuse.

"The truck has also been seized as part of the investigation," she told reporters here.

Saira said the incident took place on Jalan Merak Jaya 5 in Simpang Ampat, Tambun. Enforcement officers approached the owner of the vehicle, who said it was driven by someone else at the time of the incident, she said.

The cat hanging by its neck from the pick-up truck.

She said the cat is now in the care of Penang DVS.

"We are monitoring her condition, and she is stable at this time," she said.

The vehicle owner could face a fine of between RM20,000 and RM100,000, imprisonment for up to three years, or both, if convicted. Saira said the investigation paper will be forwarded to the prosecutor's office soon.

Earlier today, police said the cat had not been hung deliberately.

Seberang Perai Selatan police chief Chong Boo Khim said the driver was taking the stray cat to a veterinary clinic in Simpang Ampat when it jumped out of the back of his vehicle, hanging itself in the process.

The driver only realised what had happened upon arriving at the clinic.

The DVS has called on the public and animal welfare groups to report incidents of animal cruelty directly through the MyAnimalWelfare portal.

It said people should not take matters into their own hands, which could hinder official investigations.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	BERITA RTM	ONLINE	

Kucing tular dijerut leher kini dalam jagaan veterinar



"Bertindak atas maklumat yang diterima JPV berjaya mengesan suspek dalam kes ini.

"Tindakan mengambil milik kucing telah dilakukan bagi tujuan siasatan dan pemeriksaan lanjut serta rawatan oleh pegawai veterinar.

"Kucing itu kini berada di bawah jagaan JPV dan telah diberi rawatan yang sesuai," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat JPVPP di sini hari ini.

Saira berkata, kertas siasatan dibuka di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 722), sekiranya didapati bersalah boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Kertas siasatan akan dirujuk ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

Semalam, tular di media sosial gambar kucing yang digantung di belakang sebuah kenderaan di Jalan Merak 5, Simpang Ampat, di sini sehingga mendatangkan kemarahan masyarakat khususnya pencinta haiwan.



Gambar tular memaparkan keadaan seekor kucing yang terikat pada belakang sebuah kenderaan pacuan empat roda

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



Selamat dimakan

MAHADIR Haris menuai kupang yang ditanaknya di Kampung Balak, Pasir Panjang, Port Dickson di Negeri Sembilan semalam. Kelmarin, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengesahkan bacaan biotoksin kupang di kawasan itu turun di bawah 400 per bilion. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN (Berita di muka 6)

Kupang: Nelayan Pasir Panjang tarik nafas lega

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrulisa@mediamula.com.my

PORT DICKSON: Keputusan Jabatan Perikanan menarik balik larangan terhadap pengeluaran hasil kerang-kerangan khususnya kupang di perairan Port Dickson memberikan kelegaan kepada golongan nelayan di kawasan Pasir Panjang di sini.

Menurut mereka, kebenaran tersebut sudah tentu menambah semula pendapatan nelayan yang turut bergantung kepada hasil kupang dan kerang selain hasil laut lain seperti ikan.

Seorang nelayan yang juga penternak kupang di Kampung Balak, Mahadir Haris, 42, berkata, sejak larangan dikuatkuasakan pada April lalu, dia terpaksa menanggung kerugian kerana kupang yang ditenak tidak dapat dituai hasilnya.

"Sudah tentu keputusan menarik balik larangan ini mengembirakan kerana situasi kembali kepada asal semula. Sejak April lalu memang kami tidak dapat meraih hasil sedangkan permintaan sentiasa ada sehinggalah ada kupang yang ditenak turut mati.

"Muji keputusan menarik balik larangan ini sudah dibuat, jika masih ditunggu lagi kupang yang ditenak dengan kaedah pangkar akan mati malah saiznya juga sudah besar," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Balak, Pasir Panjang di sini.

Kelmarin Timbalan Menteri



MAHADIR Haris menuai hasil kupang yang ditenaknya ketika ditemui di Kampung Balak, Pasir Panjang, Port Dickson, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup memaklumkan, larangan ke atas peneuaian dan penjualan kerang-kerangan termasuk kupang di perairan Negeri Sembilan dan Melaka yang sebelum ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Perikanan telah ditarik balik.

Menurut beliau, keputusan itu dibuat berikutan bacaan biotoksin bagi sampel ke-15 telah menunjukkan penurunan ke paras selamat iaitu di bawah 400 per bilion (ppb).

Sementara itu, Mahadir berka-

ta, setelah maklumat mengenai keputusan tersebut diketahui, beberapa orang pelanggan telah mula menghubunginya bagi mendapatkan bekalan kupang.

Bagaimanapun, para nelayan belum boleh mengeluarkan hasil kerana keadaan rebut yang berlaku sejak beberapa hari kebelakangan ini selain keadaan air laut yang tidak baik.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Telok Kemang, Md Isa Johar berkata, keputusan menarik balik larangan tersebut sesuatu

yang sangat dinantikan oleh nelayan.

"Selain daripada hasil ikan, hasil laut seperti kerang dan kupang memang menjadi sumber pendapatan nelayan. Akhirnya selepas hampir empat bulan, larangan ini ditarik balik.

"Selepas ini saya berharap nelayan sekiranya mereka mengenal pasti dan melihat sesuatu yang pelik terhadap hasil laut mereka itu, segeralah dimaklumkan dan jangan disembunyikan agar tindakan awal dapat diambil," katanya lagi.

Bantu promosikan semula kupang Port Dickson

PORT DICKSON: Kerajaan menerusi agensi berkaitan perlu mempromosikan semula kerang-kerangan khususnya kupang di daerah ini yang terjejas susulan kejadian keracunan selepas pengambilan hasil laut itu pada bulan April lalu.

Nelayan yang juga penternak kupang di Kampung Telok, Pasir Panjang di sini, Mohd. Hairil Mohd. Rashid, 32, berkata, dia lega apabila Jabatan Perikanan telah menarik balik larangan terhadap pengeluaran hasil kerang-kerangan khususnya kupang di perairan Port Dickson susulan kejadian keracunan itu.

"Bagaimanapun saya harap agensi berkaitan dapat mempromosikan semula bahawa kupang dan kerang di sini sudah selamat dimakan, ia perlu dipromosikan

semula kerana orang ramai masih khuatir untuk membeli kupang dari sini.

"Sebaik sahaja keputusan menarik balik larangan pengeluaran kupang diterima semalam, saya terus memberitahu kepada pelanggan namun respon diterima masih kurang memberangsangkan, mereka masih ragu-ragu, inilah impak yang kami terima," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Pada 4 April lalu, Jabatan Perikanan Malaysia mengesahkan kupang di Port Dickson telah dicemari oleh biotoksin berbahaya dan tidak selamat dimakan selepas analisis yang dijalankan mendapati terdapat tiga alga berbahaya iaitu spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudo-nitzschia*.

Jabatan tersebut justeru menyarankan kupang dan kerang-kerangan lain di perairan Port Dickson tidak selamat dimakan mengambil tindakan penguatkuasaan tidak membenarkan kerang-kerangan di Port Dickson dikeluarkan dan dijual di pasaran awam.

Analisis tersebut dibuat selepas terdapat lapan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang termasuk dua kes kritikal berlaku di Port Dickson.

Bagaimanapun, kelmarin, larangan ke atas peneuaian dan penjualan kerang-kerangan termasuk kupang di perairan Negeri Sembilan termasuk Melaka yang sebelum ini dikuatkuasakan telah ditarik balik berikutan bacaan

biotoksin bagi sampel ke-15 telah menunjukkan penurunan ke paras selamat iaitu di bawah 400 per bilion (ppb).

Seorang lagi nelayan dari Kampung Balak, Pasir Panjang di sini, Dewana Haris, 39, juga berpandangan yang sama dan berharap bebahan terus dapat dilakukan pihak berwajib supaya orang ramai tahu kupang dan kerang di Pasir Panjang sudah selamat dimakan.

"Kami telah menanggung banyak kerugian sepanjang empat bulan larangan pengeluaran hasil kerang-kerangan di sini.

"Ketika ini orang ramai masih takut untuk makan kupang dari Port Dickson, jadi saya harap kerajaan dapat bantu mempromosikannya semula," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	HARIAN METRO	LOKAL	19



HASIL tuaian kupang di kawasan penternakan di Sungai Sekawang, Port Dickson.

Selamat untuk dimakan



PENGUSAHA kupang, Mohd Taib Jantan menunjukkan hasil tuaian kupang yang selamat untuk makan dan dijual kepada orang ramai di kawasan penternakan di Sungai Sekawang, Port Dickson.



MOHD Radhi Bahari (kiri) bersama rakannya Nurzul Hakim Ab Rahaman membawa hasil tuaian kupang di kawasan penternakan di Sungai Sekawang.



PENGUSAHA kupang, Mohd Radhi Bahari mula menuai hasil kupang miliknya di kawasan penternakan di Sungai Sekawang, Port Dickson semalam. Jabatan Perikanan Malaysia menarik balik larangan penuaian dan penjualan kerang-kerang termasuk kupang di perairan Port Dickson dan Melaka berikutan penurunan tahap biotoksin ke paras selamat. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, hasil pemantauan dan analisis makmal, bacaan biotoksin menunjukkan penurunan di bawah 400 per billion (ppb) bagi sampel ke-15.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	KOSMO	K2	19



Kosmo!

Menyelami
Hidup Anda

1K2

ISNIN 12.08.2024

Durian klon MARDI

ORANG ramai kini boleh menikmati pelbagai varieti durian klon hasil penyelidikan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) seperti MDUR 78, MDUR 79 dan MDUR 88 secara terus dari ladang pada harga RM50 seorang dengan mengunjungi Durio Tourism MARDI di Kuala Kangsar, Perak.



Rencana Utama

Oleh
**FARID AHMAD
TARMUJI**

SEBAGAI penggemar durian, Faisal Ismail, 35, tidak akan melepaskan peluang untuk menikmati 'raja buah' itu apabila tiba musimnya.

Malah, dia akan mencari lokasi-lokasi yang menjual durian terbaik pada harga berpatutan termasuk tempat tular di dalam media sosial.

"Bulan lalu, saya berkesempatan mengunjungi Durio Tourism di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Kuala Kangsar, Perak.

"Ini selepas saya melihat ada rakan media sosial berkongsi tentang pakej menikmati durian di situ.

"Saya datang ke situ semata-mata untuk menikmati durian hasil penyelidikan MARDI," katanya kepada K2 baru-baru ini.

Tambah pemuda dari Kuala Lumpur itu, dia berpuas hati dapat menikmati durian premium hasil penyelidikan institusi tersebut.

Kunjungan ke situ juga membolehkan Faisal menaiki tram untuk mengelilingi kawasan dusun durian tersebut.

Mengulas lanjut, Faisal berkata, harga yang dikenakan untuk pelancong menikmati durian di situ amat berpatutan.

"Untuk dewasa, harga yang dikenakan adalah RM50 seorang dan pengunjung boleh menikmati durian sepuas-puasnya.

"Apa yang boleh saya katakan, durian hasil penyelidikan MARDI mempunyai rasa yang pelbagai mengikut jenis buah," ujarnya.

Durio Tourism di MARDI Kuala Kangsar mengetengahkan lima konsep iaitu teknologi, inovasi, pemuliharaan, pendidikan dan rekreasi (TICER).

Salah satu objektifnya adalah memindahkan teknologi durian kepada orang ramai yang mengunjungi taman agro tersebut.

Pakej Durio Tourism yang dilaksanakan mengikut musim durian itu memberi pengalaman kepada pengunjung untuk melawat ladang durian sebenar.

Mereka akan mengelilingi dusun menaiki tram sambil diiringi jurupandu yang berpengalaman luas dalam penanaman dan varieti durian.

Pengunjung juga akan dibawa ke plot tanaman untuk merasai suasana serta menikmati buah-buahan secara terus dari ladang.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup turut mengunjungi Durio Tourism bersama wakil media bagi merasai suasana dan menikmati varieti durian di situ.

Untuk makluman, Durio Tourism sering menjadi pilihan penggemar durian yang ingin menikmati durian segar dari ladang.

Pengurusnya, Abu Zarim Ujang berkata, pengunjung dapat menikmati pelbagai durian klon hasil penyelidikan MARDI.

Menurutnya lagi, tempat itu dijadikan



SEORANG petugas MARDI, Muhamad Razif Abdul Azim mengutip buah durian di Durio Tourism, Kuala Kangsar, Perak.
- MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Nikmati durian segar dari ladang



PARA pengunjung boleh menikmati pelbagai jenis durian hasil penyelidikan MARDI.

INFO

Durio Tourism

- Terletak di MARDI Kuala Kangsar
- Terdapat pelbagai jenis durian klon termasuk spesies hutan
- Merupakan tarikan baharu Taman Agroteknologi MARDI yang berasaskan pelancongan buah durian
- Harga pakej untuk dewasa RM50 seorang, kanak-kanak 7 hingga 12 tahun (RM18) dan warga emas (RM35)

lokasi pelancongan berkonsepkan dusun untuk memperkenalkan hasil penyelidikan MARDI kepada orang ramai.

"Di sini, kita mempunyai lebih 20 jenis klon durian hasil kacukan antara klon-klon durian.

"Kami juga sentiasa mengutamakan klon durian yang dilancarkan oleh MARDI sendiri iaitu MDUR 78, MDUR 79 dan MDUR 88," katanya.

Tambahnya, antara ketiga-tiga klon durian tersebut, MDUR88 adalah yang paling premium.

Durian tersebut merupakan hasil kacukan dua induk durian iaitu D10 dan D24.

Tempoh matang buah beris tebal itu adalah antara 105 hingga 115 hari.

Selain boleh menikmati sepuas-puasnya durian, pengunjung juga dapat membeli durian untuk dibawa pulang pada harga RM25 sekilogram bagi semua varieti.

Mengulas lanjut, Abu Zarim berkata, keluasan tanah MARDI di situ adalah sekitar 39.52 hektar.

Ujarnya, daripada jumlah itu, 21.1



PENGUNJUNG akan dibawa mengelilingi ladang durian dengan menaiki tram.

hektar digunakan untuk penanaman durian.

"Keiuasan berkenaan boleh memuatkan hampir 1,600 pokok durian daripada pelbagai jenis klon.

"Namun sekarang, hanya ada 900 pokok dan kami dalam proses untuk tambah pokok-pokok baharu," jelasnya. Jelasnya lagi, kebiasaannya, musim durian di situ bermula antara Jun hingga Ogos.

Jadi, Durio Tourism akan dibuka selepas buah pertama gugur sehingga habis musim durian.

"Selain menikmati durian, pengunjung juga berpeluang merasai buah-buahan lain yang semusim dengannya seperti rambutan dan mesta. "Disebabkan musim durian

tidak lama, lokasi ini akan 'diserbu' pengunjung termasuk dari luar negara hampir setiap hari," ujarnya.

Justeru itu, pengunjung yang ingin ke situ disarankan untuk melakukan tempahan secara online terlebih dahulu.

Mengulas mengenai jumlah pengeluaran durian ketika musimnya, Abu Zarim memaklumkan, setiap hari, hampir dua hingga tiga tan metrik durian akan gugur di dusun tersebut.

"Apabila sampai waktu penghutung, jumlah buah yang gugur semakin berkurang.

"Jumlah pengeluaran durian berbeza pada setiap musim.

"Ada pokok yang menjadi pada musim ini dan akan mula berkurangan pada musim seterusnya.



PENGUNJUNG Durio Tourism boleh menikmati durian sepenuhnya pada harga RM50 seorang.

"Ini kerana, jika pokok durian terlalu banyak berbuah, ia perlukan masa untuk berehat.

"Jadi, kita harus sentiasa meletakkan baja supaya pokok terus sihat dan menghasilkan buah terbaik pada masa depan," jelas Abu Zarim.

Bercerita tentang penjagaan pokok durian di situ, Abu Zarim menjelaskan, pembajaan perlu sentiasa betul.

"Di sini, kita hanya menggunakan baja organik. Pada masa sama, kawalan penyakit dan haiwan perosak juga penting.

"Tumpuan pada penyakit dan haiwan perosak perlu diberikan semasa ia berbunga sehingga menjadi buah iaitu sekitar 120 hari.

"Apabila buah sebesar bola ping pong,

baru kita boleh kira ia menjadi.

"Jika baru berbunga, kita tidak boleh jamin ia akan berbuah.

"Ini kerana, apabila berlaku hujan lebat atau angin kencang, bunga boleh gugur, sekali gus menyebabkan buah tidak menjadi," terangnya.

Sementara itu, Abu Zarim memaklumkan, pengunjung juga boleh datang ke situ di luar musim durian.

Ujarnya, keutamaan diberikan kepada pengunjung yang ingin mendapatkan bahan-bahan tanaman seperti anak pokok durian.

Tambahnya, di luar musim buah, para pengunjung juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dan belajar tentang pembiakan tampang serta cantuman mata tunas pokok durian.

Durian MDUR 88 bantu imbangi harga pasaran

BERTANGGUNGJAWAB dalam melakukan penyelidikan dalam pengeluaran hasil pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sentiasa mengeluarkan hasil buah terbaik termasuk durian.

Durian klon MDUR 88 yang dihasilkan oleh MARDI juga setanding dengan durian lain yang mendapat permintaan ramai seperti musang king.

Untuk makluman, durian MDUR 88 adalah hasil kajian MARDI, di mana pokok durian D24 dikacuk dengan D10 untuk menghasilkan hibrid.

Berbanding MDUR 78 dan MDUR 79, buah MDUR 88 memiliki isi kuning keemasan, rasa lemak manis dan mampu tahan selama tiga hari sebelum merekah.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, ketika ini, MARDI telah berjaya menghasilkan varieti durian sendiri termasuk MDUR 88.

Menurutnya, harga yang ditawarkan juga lebih murah iaitu RM25 sekilogram berbanding dengan musang king.

"Bagi saya, rasa MDUR 88 ini setanding dengan musang king.

"Maka, ia boleh menjadi satu alternatif untuk kita mengimbangi harga bagi memastikan rakyat mendapat

akses kepada bekalan durian yang sedap.

"Selain itu, kita sangat-sangat terbuka untuk eksport durian ini ke luar negara.

"Pada masa sama, agensi di bawah kita seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sentiasa berusaha untuk mempromosikan durian ini kepada negara lain," katanya sewaktu lawatan kerja ke Durio Tourism di MARDI Kuala Kangsar, Perak baru-baru ini.

Tambahnya, permintaan durian paling tinggi adalah dari China.

Ujar Arthur, pihaknya juga sudah menandatangani beberapa memorandum persefahaman (MoU) dengan China.

Mengulas lanjut, Arthur berkata, jika negara ingin mengeksport durian ke pasaran antarabangsa terutamanya untuk jualan segar, kaedah pembungkusan sangat penting.

"Kita juga telah berbincang dengan pihak MARDI dan mereka telah mewujudkan satu proses pembungkusan khas.

"Ia akan diperkenalkan kepada awam tidak lama lagi supaya pengusaha durian kita boleh mengikut prosedur pembungkusan durian segar bagi memastikan buah tahan lebih lama," jelasnya.



ARTHUR (kanan) merasai keenakan durian MDUR 88 sewaktu lawatan kerja ke Durio Tourism di MARDI Kuala Kangsar, Perak baru-baru ini.

taip untuk carian

AM

Melaka Bekerjasama Dengan LPNM Untuk Jadi Hab Promosi Nanas Kepada Pelancong Luar Negara

🕒 11/08/2024 10:40 AM



Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri yang menjalankan tugas-tugas Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Dr Muhamad Akmal Saleh (dua, kiri) menyempurnakan gimik perasmian Program Jelajah Hari Nanas Malaysia Peringkat Negeri Melaka 2024 di hadapan Stadthuys lewat malam tadi. Turut hadir Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Sheikh Umar Bagharib Ali (dua, kanan).

MELAKA, 11 Ogos (Bernama) -- Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan bekerjasama dengan kerajaan Melaka untuk menjadikan negeri itu sebagai hab mempromosi nanas di peringkat antarabangsa memandangkan ia sering menjadi tumpuan pelancong khususnya dari luar negara.

dan berkesempatan merasa nanas keluaran negara pula akan menjadi 'duta tidak rasmi', dalam mempromosi buah berkenaan yang akan diangkat sebagai buah kebangsaan menjelang tahun hadapan.

"Walaupun Melaka kecil dan tidak dapat menanam nanas dalam keluasan yang besar, namun negeri ini mampu memainkan peranan penting dalam mempromosikan nanas kerana ia merupakan destinasi tumpuan pelancong.

"Lebih-lebih lagi jumlah pelancong yang datang ke Melaka sekali ganda daripada jumlah rakyat negeri itu terutama pada hujung minggu dan mereka yang merasa nanas akan membawa cerita tentang rasa dan kualiti buah-buahan itu bukan sahaja ke luar negeri malah ke luar negara," katanya kepada pemberita di hadapan Stadthuys di sini malam tadi.

Beliau berkata demikian selepas Program Jelajah Hari Nanas Malaysia Peringkat Negeri Melaka 2024 yang dirasmikan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Dr Muhamad Akmal Saleh.

Sheikh Umar Bagharib berkata antara inisiatif awal yang dilaksanakan bagi menjadikan Melaka sebagai pusat promosi nanas negara ialah pembukaan hab pengumpulan nanas wilayah tengah melibatkan Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan di Pusat Koreksional Jasin pada April lepas.

Beliau berkata di pusat koreksional itu juga, kaedah tanaman 'sekali tanam, tiga kali tuai' juga diperkenalkan dan secara tidak langsung membantu meningkatkan pengeluaran hasil tanaman itu yang kini mendapat permintaan tinggi dalam pasaran tempatan.

Sementara itu Dr Muhamad Akmal berkata kerajaan negeri sedang mengenal pasti beberapa bidang tanah di Melaka yang berpotensi dibangunkan sebagai kawasan agro pelancongan tanaman nanas khususnya di luar bandar melibatkan penyertaan rakyat tempatan.

Beliau berkata inisiatif itu bukan sahaja bertujuan membantu meningkatkan ekonomi rakyat tetapi juga memacu sektor agro pelancongan negeri bagi memberi pilihan kepada pelancong menikmati pelbagai pengalaman ketika berada di Melaka.

Terdahulu pada program itu 1,500 nanas percuma varieti MD2 dan Josepine serta 1,000 nanas cawan, nanas potong, diagihkan kepada pelancong di sekitar Stadthuys, Muzium Samudera dan Menara Taming Sari.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

melaka lpm nanas hab promosi pelancong

sheikh umar bagharib ali

BERITA BERKAITAN



Pulau Pinang Antara Pelabuhan Persinggahan Bagi Oceania Cruises Pada 2025

9 jam lalu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	MELAKA HARI INI	ONLINE	

Melaka 'duta' promosi nanas



BANDA HILIR 11 Ogos – Negeri Melaka memainkan peranan penting dalam membantu Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) mempromosikan buah-buahan itu hingga ke luar negara.

Pengerusinya, Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, meskipun Melaka sebuah negeri yang kecil dan tanaman nanasnya tidak sehebat Sarawak dan Johor, namun negeri

pelancongan itu memainkan peranan penting sebagai duta tidak rasmi untuk mempromosikan buah-buahan itu.

“Untuk tanaman nanas ini setiap negeri ada kekuatan berbeza seperti Sarawak, mereka bercadang untuk membuka lagi 20 hektar tetapi Melaka tidak mampu lakukan itu tetapi saya katakan kita akan fokus kepada agropelancongan.

“Walaupun kecil, Melaka memainkan peranan penting dalam mempromosikan nanas kerana negeri ini menjadi pusat tumpuan pelancong dan sekali gus berfungsi sebagai duta tidak rasmi.

“Apabila pelancong ke negeri ini merasai kelazatan nanas, mereka akan membawa cerita dan pengalaman mereka tentang kelazatan nanas Malaysia ke seluruh dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Jelajah Hari Nanas Malaysia Peringkat Negeri Melaka 2024, yang disempurnakan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh di Bangunan Stadthuys, di sini, malam tadi.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Menara Taming Sari Berhad (MTSB), Nasrul Ahmad dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Shadan Othman.

Menurutnya, LPNM juga akan menjadikan Melaka sebagai hab pengumpulan nanas bagi zon tengah dalam usaha menyumbang kepada industri nanas.

“Pada April lalu kita telah pun membuka Pusat Pengumpulan Nanas di Pusat Koreksional Jasin dan hab itu nanti akan mengumpulkan hasil tanaman dari Selangor, Negeri Sembilan serta Melaka.

“Ini kekuatan yang boleh dimainkan oleh Melaka dalam industri nanas di Malaysia,” katanya.

Jelasnya, dengan sambutan yang menggalakkan LPNM berhasrat menjadikan nanas sebagai buah kebangsaan dan simbol kebanggaan negara menjelang 2025.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	MELAKA HARI INI	ONLINE	

Agropelancongan nanas di Melaka



BANDA HILIR 11 Ogos – Kerajaan Negeri mengenal pasti beberapa bidang tanah yang berpotensi bagi dijadikan kawasan tumpuan agropelancongan, khususnya untuk tanaman nanas.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, bagi merealisasikan hasrat itu, pihaknya akan mengadakan perbincangan bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bagi

mendapat sokongan.

Katanya, apabila adanya lokasi tumpuan itu kelak, pengunjung yang datang ke Melaka tidak akan pulang dengan tangan kosong sebaliknya berbekalkan ilmu yang boleh dipraktikkan.

“Di Melaka mungkin kita ada kekangan tanah untuk menanam nanas secara besar-besaran, tetapi sebagai ‘centre of attraction’ sudah tentu kita ingin meneroka agropelancongan melalui tanaman nanas.

“Kita sudah ada tanah yang dikenal pasti dan tanah-tanah ini semestinya bukan di kawasan bandar mungkin di Alor Gajah kerana kita tidak mahu apabila pelancong datang ke Melaka, mereka hanya tertumpu di bandar sahaja.

“Lokasi dikenal pasti ini memang tempat yang sesuai untuk tanaman nanas dan menjadi tempat tumpuan pelancongan agro tourism bagi tanaman nanas,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Jelajah Hari Nanas Malaysia Peringkat Negeri Melaka 2024, di Bangunan Stadthuys, di sini, malam tadi.

Hadir sama, Pengerusi LPNM, Sheikh Umar Bagharib Ali; Ketua Pegawai Eksekutif Menara Taming Sari Berhad (MTSB), Nasrul Ahmad dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Shadan Othman.

Menurut Dr. Muhamad Akmal, pihaknya juga amat menggalakkan golongan muda mengambil peluang dan ruang untuk meneroka industri nanas dengan lebih serius kerana boleh menjana pendapatan lumayan.

“Saya memang galakkan terutama anak muda untuk ceburi bidang tanaman nanas ini kerana hasil daripada kajian yang diperoleh, pengusaha nanas yang melakukan secara serius boleh mendapat pendapatan antara RM5,000 hingga RM8,000 sebulan.

“Kerajaan Negeri Melaka komited menyokong industri nanas ini dengan memberi insentif dan bantuan kepada petani selain menggalakkan penyelidikan serta inovasi,” katanya.

Jelasnya, di Melaka terdapat 14 belia yang terbabit dalam tanaman nanas dan mereka menerima geran Agropreneur Muda berjumlah RM280,000 pada 2023.

Terdahulu, pada program berkenaan, sebanyak 1,500 biji nanas berikan secara percuma di sekitar Bangunan Stadthuys dan perkarangan Menara Taming Sari.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	HARIAN METRO	LOKAL	7

Oleh Nazri Abu Bakar
am@hmetro.com.my

Melaka

Sambutan Jelajah Hari Nanas Peringkat Negeri Melaka meriah dengan kehadiran pelancong dalam dan luar negara di pekarangan Bangunan Stadthuys, kelmarin.

Majlis perasmian disempurnakan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Negeri Melaka Dr Muhammad Akmal Salleh yang turut mengagihkan lebih 1,500 nanas kepada orang ramai.

Lebih menarik 20 beca turut menjadi duta bagi mempromosi buah nanas yang memberikan peluang ekonomi kepada pekebun serta manfaat kepada pelbagai golongan termasuk wanita, atlet dan asnaf.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, Melaka memainkan peranan penting mempromosikan nanas terutama menjadi pusat tumpuan pelancong yang berfungsi sebagai duta tidak rasmi membawa

SAMBUTAN JELAJAH HARI NANAS PERINGKAT NEGERI MELAKA

Agih 1,500 nanas kepada pelancong

cerita dan pengalaman mereka tentang nanas Malaysia ke seluruh dunia.

Menurutnya, pada 2023 Melaka merekodkan keluasan 90 hektar tanaman nanas dan ia membanggakan kerana kepesatan pembangunan industri nanas yang dilaksanakan.

"Sebagai negeri yang menerima jumlah pelancong antarabangsa yang ramai, Melaka memiliki peluang unik untuk mempromosikan produk nanas kepada pelawat dari seluruh dunia"

Dr Muhammad Akmal Salleh



DR Muhammad Akmal (kiri) dan Sheikh Umar Bagharib pada perasmian sambutan.



DR Muhammad Akmal (tiga dari kiri) dan Sheikh Umar Bagharib (dua dari kiri) mengagihkan nanas kepada orang ramai di Bangunan Stadthuys, Bandar Hilir.

"Kompleks Penjara Jasin pada masa kini antara badan kerajaan yang aktif membangunkan tanaman nanas dan juga produk hasil daripada nanas.

"Di Melaka terdapat satu-satunya agensi kerajaan yang berjaya mengamalkan konsep 'Sekali Tanam, Tiga Kali Tuai' iaitu di Komplek Penjara Jasin," katanya di Bangunan Merah Bandar Hilir terbahit.

Hadir sama, Datuk Bandar Melaka Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)

Datuk Shadan Othman, Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh dan Pengarah LPNM Negeri Melaka Siti Hajar Ramlee. Beliau berkata, dengan rasa kualiti tinggi, nanas Malaysia terus menjadi pilihan utama di pasaran antarabangsa, sekali gus LPNM berpandangan nanas layak diangkat sebagai buah kebangsaan, simbol kebanggaan Malaysia.

Lebih menarik kayuhan beca bermula di Bangunan Stadthuys menuju ke che-

ckpoint kedua di Muzium Samudera dan berakhir di Menara Taming Sari turut mendapat sambutan luar biasa pengunjung.

Baginya, sambutan Hari Nanas Malaysia 2024 diyakini meningkatkan semangat kebanggaan masyarakat kepada produk tempatan dan menjadikan nanas sebagai buah kebangsaan yang dikenali di seluruh dunia.

Akmal pula berkata, sebagai negeri yang menerima jumlah pelancong

antarabangsa yang ramai, Melaka memiliki peluang unik untuk mempromosikan produk nanas kepada pelawat dari seluruh dunia.

Katanya, melalui integrasi nanas dalam sektor pelancongan seperti hidangan tempatan dan produk nanas sebagai cenderamata antara usaha meningkatkan kesedaran global mengenai kualiti nanas Melaka.

Malah, pihaknya akan memperhebatkan usaha untuk bersama-sama pihak LPNM dalam memberikan insentif dan bantuan kepada petani serta menggalakkan penyelidikan dan inovasi dalam teknik penanaman dan pemrosesan nanas bersama pihak berkepentingan yang lain di dalam negeri terbahit.

Jelasnya Melaka mempergiatkan Agro Pelancongan menerusi kawasan penanaman nanas yang dikenali sebagai kawasan kampung membolehkan pelbagai aktiviti diadakan termasuk pelancong boleh menanam dan menikmati sendiri buah berkenaan dalam masa sama nanas dijadikan pelbagai produk termasuk tali leher.

Sambil berseloroh Akmal berkata, jika dia tidak menjadi Yang Berhormat dia akan menjadi penanam nanas kerana pendapatan antara RM5,000 hingga RM8,000 sebulan.

Jelajah Hari Nanas Malaysia Negeri Melaka merupakan siri ke-9 selepas siri-siri yang dijalankan di seluruh negara dan akan berterusan sehingga sambutan pada 27 Jun 2025.

Miri: Ladang nanas 'TG Agro Fruit di Sungai Tukau kini menjadi peneraju bagi varieti nanas Sarawak Gold (SG1) yang berpotensi membantu penanaman nanas di seluruh Sarawak dan Malaysia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, dalam beberapa tahun akan datang Malaysia akan mampu meningkatkan eksport nanas global.

"Permintaan global terhadap nanas Malaysia kini mencecah 4,000 kontena, namun negara hanya mampu menyedekahkan 800 kontena atau sekitar satu perlima daripada permintaan.

"Sekarang dengan adanya ladang ini, benih varieti SG1 itu dapat disebarkan ke seluruh Sarawak dan

Miri peneraju varieti nanas SG1 di Malaysia

Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis perasmian fasiliti di Ladang Nanas itu di sini, kelmarin.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, Sarawak menetapkan sasaran memperluas kawasan penanaman nanas kepada 20,000 hektar menjelang tahun 2030.

"Sasaran ini dijangka menyokong perkembangan industri nanas negara dan memperkukuh kedudukan Malaysia dalam pasaran

global selain untuk memenuhi permintaan tempatan

"Pada masa kini, eksport utama nanas Malaysia adalah ke Singapura, China, Eropah, Jepun dan Jerman terutama dalam bentuk jus," katanya.

LPNM dalam kenyataan memaklumkan Sarawak berpotensi menggantikan Johor sebagai kawasan pengeluaran nanas negara memandangkan negeri itu mempunyai keluasan tanah terbiar seluas 59,000 hektar.

"Sekarang dengan adanya ladang ini, benih varieti SG1 itu dapat disebarkan ke seluruh Sarawak dan Malaysia"

Mohamad Sabu



MOHAMAD (dua dari kanan) pada majlis perasmian fasiliti di Ladang nanas TG Agro Fruit.

Melaka going bananas over pineapples

MELAKA: The Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) will collaborate with the Melaka government to establish the state as a hub for promoting pineapples internationally, given its popularity among tourists from around the world.

LPNM chairman Sheikh Umar Bagharib Ali said visitors to Melaka who had the chance to taste locally produced pineapples would act as "unofficial ambassadors" in promoting the fruit, which is expected to be declared the national fruit by next year.

"Although Melaka is a small state and cannot cultivate pineapples on a large scale, it can play a crucial role in promoting this fruit due to its status as a popular tourist destination. The number of visitors to Melaka often doubles the local population, especially on weekends.

"Those who taste the pineapples will spread the word about the fruit's taste and quality both within the country and abroad," he said after the state-level 2024 Malaysian Pineapple Day Tour launch, Bernama reported.

The event was launched by state rural development, agriculture and food security committee chairman Dr Muhammad Akmal Saleh here on Saturday night.

Sheikh Umar Bagharib said an initial step to establish Melaka as the national pineapple promotion centre was the opening of a pineapple collection hub for the central region, encompassing Melaka, Selangor and Negri Sembilan, at



Standing out: Dr Muhammad Akmal (right) and Sheikh Umar Bagharib posing in front of a rickshaw decorated with pineapple elements at the Melaka 2024 Malaysia Pineapple Day Tour programme in front of Stadthuys.

— Bernama

the Jasin Correctional Centre last April.

He said the "sekali tanam, tiga kali tuai" (harvesting three times after planting it once) pineapple cultivation concept was also introduced at the centre, which has increased fruit production.

Meanwhile, Dr Muhammad Akmal said the state government

is identifying several plots of land in Melaka that have the potential to be developed into agro-tourism areas specialising in pineapple cultivation, especially in rural areas.

He said the initiative aims not only to boost the local economy, but also to drive the state's agro-tourism sector.

He said it also provides tourists with diverse experiences during their stay in Melaka.

Earlier, during the programme, 1,500 free pineapples of the MD2 and other varieties, as well as 1,000 cups of cut pineapples, were distributed to tourists around Stadthuys, the Samudera Museum and the Taming Sari Tower.

Benteng dalam sungai mampu selamatkan padi di Kelantan

Oleh **YATIMIN ABDULLAH**
yatimin.abdullah@mediamulla.com.my

KOTA BHARU: Persatuan Pesawah Kelantan (Pesak) melihat pembinaan benteng di dalam sungai mampu meningkatkan paras air sekali gus menyelamatkan tanaman padi di negeri ini.

Pengerusinya, Zuha Ismail berkata, Kerajaan Kelantan selaku pemenang taruh yang mempunyai kuasa ke atas sungai perlu

bertindak segera dalam menyelesaikan perkara ini.

Menurutnya, kebenaran itu akan memastikan bekalan padi dan beras negara mencukupi bagi menghadapi musim kemarau pada masa hadapan.

"Disebabkan kemarau, paras aras sungai Kelantan masih lagi cetek menyebabkan pam gagal walaupun kerja-kerja memecah batu hampar di muka sauk rumah pam milik Lembaga Kemajuan

Pertanian Kemubu (Kada) 2 dapat melancarkan kemasukan air dari sungai.

"Namun ia masih belum dapat membantu. Bila gagal berfungsi (rumah pam) kami tidak dapat tanam padi. Bukan sahaja bekalan makanan negara terjejas, pendapatan kami pun turut menyusut," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Zuha memberitahu, hasil latihan yang dilakukan menda-

pati pada 6 Julai lalu mendapati kemajuan pembinaan Kemubu 3 tidak dapat disiapkan mengikut jadual iaitu Mei tahun depan.

Katanya, ia berpanduan kepada kemajuan kerja-kerja di lapangan.

"Pada masa sama, Pesak menuntut penjelasan peruntukan RM20 juta diluluskan Perdana Menteri untuk membeli pam-pam bagi mengatasi masalah bekalan air masih belum menam-

pakkan sebarang hasil.

"Siapa yang melambatkan proses pelaksanaan hal ini? Saya bimbang musim akan Kelantan akan hilang hasil padi," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Zuha berkata, kerja-kerja pembenihan awan tidak banyak membantu pesawah di negeri ini. Katanya, bagaimanapun Pesak berterima kasih kepada kerajaan yang bertungkus-lumus membantu pesawah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	KOSMO	NEGARA	16



DURIAN kampung tetap menjadi pilihan kerana rasanya lebih berlemak selain harga yang murah.

Terima permintaan tinggi daripada pelanggan

Durian kampung murah, banyak 'gas'

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

PASIR SALAK - Permintaan tinggi terhadap durian kampung bukan semata-mata kerana harganya yang murah, tetapi raja buah jenis itu turut mempunyai banyak 'gas' yang tinggi karbohidrat, serat, lemak, protein dan antioksidan.

Seorang penjual durian di Kampung Gajah di sini, Zaidah Mohd Razali, 41, berkata, walaupun terdapat lambakan buah durian kahwin dan premium, durian jenis kampung tetap mendapat permintaan dari pelanggan.

"Ramai suka durian kampung kerana harganya yang murah iaitu sekitar RM6 hingga RM15 sekilo-

gram berbanding durian premium seperti musang king dan duri hitam.

"Namun, ramai juga yang menyukai durian kampung kerana buah jenis itu memiliki kandungan 'gas' yang tinggi dan enak untuk dimakan," katanya yang mendapat bekalan durian kampung dari Gopeng dekat sini.

Katanya, durian kampung tidak muak dimakan selain mempunyai isi yang banyak dan biji yang lebih kecil.

"Biasanya jika makan durian kahwin dan premium ini, dua ulas sudah kenyang tetapi jenis kampung ini seorang makan sebiji pun tidak mencukupi.

"Saya fikir ramai yang akan

mula berubah kepada durian kampung berbanding durian kahwin kerana buah jenis ini memang mempunyai keunikan yang tersendiri," katanya.

Ujarnya, lebih lama usia pokok durian kampung, maka rasanya juga akan menjadi lebih sedap.

"Dahulu, orang kampung tanam pokok durian tanpa gunakan racun selain bajanya pula dari sumber semulajadi. Lokasi pula biasanya berdekatan sungai serta kawasan berbukit.

"Itu yang menjadikan kualiti durian kampung terjaga. Kata orang-orang lama, punca buah durian banyak ditebuk tupai dan berulat adalah disebabkan rasanya yang manis dan berlemak," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	PASARAN RINGGIT	30

TEMPOH PULANGAN MODAL UNTUK DURIAN LEBIH PANJANG

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
nazlina.nadzari@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tempoh pulangan modal yang panjang untuk durian menjadi isu utama untuk syarikat peladangan untuk menggantikan pokok kelapa sawit tua kepada durian, kata AmInvestment Bank Bhd.

Penganalisisnya, Gan Huey Ling berkata, pokok kelapa sawit hanya mengambil masa tiga tahun untuk matang berbanding lima tahun untuk durian dan hanya mencapai hasil puncak dari 20 tahun ke atas.

Katanya, terdapat potensi untuk syarikat perladangan menukar pokok kelapa sawit yang sudah tua kepada estet durian sekiranya bentuk muka bumi dan tanah sesuai.

"Keperluan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) untuk ladang durian juga kurang ketat berbanding kelapa sawit

"Pada kemuncaknya, pokok itu boleh mengeluarkan lebih daripada 100 buah durian setahun berbanding 20 buah durian pada tahun pertama matang. Pokok durian mencapai hasil puncak dari tahun 20 hingga 40.

"Pokok durian boleh bertahan lebih dari 100 tahun. Oleh itu, terdapat sedikit keperluan untuk penanaman semula," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Menurutnya, IOI Corporation mempunyai 28 hektar ladang durian di Johor pada akhir tahun kewangan 2023.

Beliau berkata, pengeluar utama durian di Semenanjung Malaysia ialah Pahang, Kelantan dan Johor dengan menyumbang lebih daripada 60 peratus pengeluaran durian di Semenanjung Malaysia.

"Kebanyakan ladang durian di Pahang adalah di Bentong dan Raub. Bentong, Raub dan Balik Pulau di Pulau Pinang sesuai untuk tanaman durian



POKOK durian mengambil masa lima tahun untuk matang dan mencapai hasil puncak dari 20 tahun ke atas.

"PADA KEMUNCAKNYA, POKOK ITU BOLEH MENGELUARKAN LEBIH DARIPADA 100 BUAH DURIAN SETAHUN BERBANDING 20 BUAH DURIAN PADA TAHUN PERTAMA MATANG. POKOK DURIAN MENCAPAI HASIL PUNCAK DARI TAHUN 20 HINGGA 40."

kerana bentuk muka buminya yang licin.

"Durian sebaiknya ditanam di kawasan cerun yang suhunya kurang daripada 30 darjah," ujarnya.

Tambahnya, prospek jangka panjang industri durian adalah positif berikutan peluang eksport ke China.

Jelasnya, pada Jun 2024, Malaysia menerima kelulusan untuk mengeksport buah durian segar ke China, berbanding sebelum ini hanya dibenarkan mengeksport pulpa, pes dan buah-buahan beku ke China.

"Permohonan untuk permit yang diluluskan untuk mengeksport durian segar ke China akan diaudit oleh Pentadbiran Am Kastam China pada bulan September.

"Pada masa ini, lebih dari-

pada 90 peratus durian yang dihasilkan di Malaysia dimakan di dalam negara. Selain itu, bekalan yang terhad disebabkan oleh kekurangan tanah yang sesuai dan tempoh pertumbuhan yang lama bagi pokok durian tersebut.

"Dianggarkan terdapat 85,000 hingga 90,000

hektar kawasan tanaman di Malaysia berbanding 180,000 hingga 200,000 hektar di Thailand. Kebanyakan ladang durian di Malaysia dimiliki oleh pekebun kecil dengan blok tanah lebih kecil daripada empat hektar," katanya.

Jelasnya, terdapat tiga syarikat tersenarai yang terlibat dalam aktiviti durian di Bursa Malaysia iaitu PLS Plantations, DSR Taiko (disenaraikan di Leap Market) dan Matang.

"Daripada tiga ini, DSR Taiko dan Matang menguntungkan. Kami percaya bahawa pendapatan Matang didorong terutamanya oleh minyak sawit kerana ladang duriannya masih muda," ujarnya.

Beliau berkata, pemain durian utama di Malaysia adalah syarikat tidak tersenarai seperti Hernan Plantation, Sindiny Group dan Top Fruits.

Menurutnya, syarikat perladangan memberi tumpuan kepada pembangunan solar pada masa ini berbanding durian.

"Tempoh bayaran balik untuk ladang solar adalah lebih pendek daripada durian dan kami berpendapat bahawa lebih mudah untuk menguruskan ladang solar berbanding ladang durian," ujarnya.



Penternak ayam rugi akibat kurang permintaan di pasaran

Pengusaha rugi hingga 50 peratus sehingga terpaksa jual harga murah kepada pemborong

Oleh Essa Abu Yamin dan Togi Marzuki
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penternak ayam tempatan ketika ini menanggung kerugian besar akibat kekurangan permintaan di pasaran yang memaksa mereka menjual harga.
Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee, berkata penternak terpaksa menanggung kerugian

hampir 40 hingga 50 peratus akibat keadaan itu.

Katanya, ayam di ladang ketika ini tidak laku, malah pemborong yang sebelum ini memborong 100 bakul ayam, kini hanya membeli 50 hingga 60 bakul.

"Walaupun saiz ayam terbandut, ada juga ayam mencecah berat sehingga tiga kilogram (kg) dan penternak terpaksa menjual ayam dengan harga murah kepada pemborong.

"Penternak terpaksa menjual harga ayam RM5 bagi satu kg ayam pada peringkat pemborong dan ia tidak mendatangkan isu kenaikan harga ayam segar di pasaran dalam tempoh terdekat," katanya kepada BH, semalam.

Sementara itu, harga ayam segar di beberapa daerah di Johor Bahru, turun RM2 kepada RM7.20 sekilogram sejak minggu lalu susulan lambakan bahan mentah berkenaan ketika ini.



Tinjauan harga ayam di Pasar Raja Bot, Chow Kit, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Ia berbanding harga bahan mentah itu yang berada kekal pada harga RM9.20 sekilogram sejak Jun lalu.

Tinjauan di pasar mini sekitar Pontian, dekat sini mendapati ayam segar turun RM2 sejak minggu lalu be-

rikutan harga yang diterima daripada pembekal juga lebih murah berbanding sebelum ini.

Namun katanya, penjualan ayam segar tidak serancak sebelum ini, terutama ketika musim perayaan mahu pun cuti persekolahan, menyebabkan berlaku lambakan ayam segar di pasaran.

Pengguna lega harga turun

Pekerja swasta, Nor Azura Mohd Amin, 36, pula berkata dia sebagai pengguna lega apabila harga bahan mentah utama itu turun.

Malah, katanya, harga ayam segar diharap kekal rendah dan tidak mengalami kenaikan dalam masa terdekat.

"Sudah tentu pengguna rasa lega apabila harga bahan mentah utama seperti ayam turun harga selepas bekalmnya stabil dan melebihi keperluan rakyat," katanya.

PARA peserta menyelam ke dasar laut bagi menjayakan program MCCD yang berlangsung di Nelayan Resort dan Taman Laut Pulau Redang, Terengganu baru-baru ini.

MSU perkasa komuniti pelihara terumbu karang

DALAM usaha memuliharaan ekosistem marin dan pemerckasaan komuniti, Management and Science University (MSU) melalui International Medical School (IMS) telah mengorak langkah signifikan menerusi pelancaran projek MyCoral Community Diver (MCCD) baru-baru ini.

Inisiatif yang merupakan sebahagian daripada aktiviti MyCoral Eco Marine Project itu telah berlangsung di Nelayan Resort dan Taman Laut Pulau Redang, Terengganu.

Tujuan utama MCCD adalah untuk memelihara terumbu karang dan menyokong komuniti tempatan khususnya para nelayan di Setiu.

Menurut Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) IMS di MSU, Mohd. Hairulnizam Ibrahim, projek MCCD telah mendapat sokongan dalam bentuk geran bernilai RM40,000 daripada APPGM-SDG Income Generation.

"Ia bermatlamat untuk memperkasakan komuniti tempatan terpilih yang terdiri daripada nelayan dan keluarga, pelajar, pengusaha bot, penyelam skuba bertauliah serta pakar pemuliharaan karang.

"Projek ini juga bertujuan untuk mendidik, menjana pendapatan dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pemuliharaan terumbu karang."



SEBAHAGIAN peserta yang terlibat menjayakan program MCCD.

ujarnya.

Para peserta telah menjalani program latihan 12 modul komprehensif yang meliputi teknik selam skuba, kaedah pemuliharaan karang, pemasaran digital dan celik kewangan.

Melalui lesen selam skuba dan menguasai teknik pemuliharaan karang, para peserta bakal menjana pendapatan melalui pakej ekopelancongan dan pemuliharaan terumbu karang.

Ini sekali gus dapat memupuk kelestarian ekonomi dalam kalangan komuniti setempat.

Projek MyCoral Community Diver



PARA peserta berpekuang melihat dengan lebih dekat terumbu karang.

turut melibatkan kerjasama pintar MSU dengan Jabatan Perikanan Malaysia, Dorken Reef Resources, RAH Venture, dan Persatuan Nelayan Kawasan Setiu.

Usaha ini bagi memastikan pendekatan holistik terhadap pemeliharaan terumbu karang dan kelestarian ekosistem marin serta pembangunan holistik komuniti setempat.

MyCoral Eco Marine Project merupakan aktiviti bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan terumbu tiruan.

Ujar Mohd. Hairulnizam, sebagai program pemindahan pengetahuan, ia bertujuan untuk memperkasakan ekosistem marin serta membantu komuniti nelayan Pulau Redang.

"MyCoral Eco Marine Project bakal memasuki edisi 7.0 pada tahun ini, sejak ia bermula pada 2016.

"Ia melibatkan strategi pelaksanaan secara menyeluruh MSU dalam pemuliharaan terumbu karang.

"Ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan populasi terumbu karang khususnya di Malaysia.

"Pada masa sama, program ini menyokong Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG)," ujarnya.

Vege prices back to normal

Farmers expect stability as weather improves in Cameron Highlands

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Prices of vegetables from Cameron Highlands, which dipped last month, are expected to return to "normal" in September when the rainy weather of the inter-monsoon starts, say farmers.

Cameron Highlands Vegetable Growers Association deputy president Lau Weng Soow said there was an excess of imported vegetables last month, causing an oversupply.

He said the weather had been fine for farmers in Cameron Highlands, which produces more than 50% of local vegetables in the country, although the recent three weeks without rain had been worrying.

Generally, farms reap good harvests during the initial dry spell period because sunny weather helps the greens generate photosynthesis and grow well, while dry days reduce outbreaks of pests like mould and aphids.

"All farms have their own irrigation systems, but we still get worried when the dry season is too long. Farmers who stored water had to conserve and reduce the amount used to maintain the farms," he said.

Fortunately, Lau said the weather had improved so farmers need not use diesel-powered pumps to draw water from rivers or underground, which was costly now since the blanket subsidy on diesel was removed.

Checks with several farmers at the highlands showed that although the weather and pro-



Fresh supply: People buying vegetables at Anson Road market, George Town. — ZHAFFARAN NASIB/The Star

duction was returning to normal, they were burdened with the higher costs of transportation due to increased diesel prices.

Sunshine Wholesale Mart Sdn Bhd, which updates its vegetable prices every two days, confirmed that they are back to normal.

"The price fluctuations are caused by demand and supply," said its marketing communication manager Bryan Wong.

Meanwhile, prices of fresh flowers in Cameron Highlands are also reported to be stable but not those supplied by farms and distributors in Penang.

Flower seller Charles Toh, 66, said he experienced about a 20% increase in the price of his supplies, which came directly from small farms on hills in Penang.

"The price of my stock has increased several times this year, and I was told that it was due to labour costs, transportation and the recent drought.

"Flowers supplied by the local distributors around here, which used to cost RM16 per pack early this year, now costs RM20.

"Fortunately, I still get some of my supplies from Cameron Highlands and the prices have so far

been stable," said Toh.

Another flower seller, who declined to be named, said she is still getting her supply of chrysanthemum and roses from Cameron Highlands at the usual price but the local distributor is quoting more.

"We only import flowers during the peak season, otherwise all of my stock comes from Cameron Highlands.

"Although there hasn't been any disruption in supply, the local distributor is asking for more as they blame it on the rise in transportation costs," she said.

Berpotensi jadi ikon lapangan

DOSM jalankan banciaan merangkumi tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan dan pembalakan

Oleh Mary Victoria
Dass
am@hmetro.com.my

Pasir Gudang

Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perang-kaan Malaysia (DOSM) di Johor menda-pati ramai pengiat bidang pertanian di negeri ini ber-potensi menjadi ikon da-lam lapangan diceburi.

Ketua Perangkawan Ma-laysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, pro-ses banciaan berjalan lancar dengan 353 peratus banciaan selesai dilakukan di seluruh negara.

Beliau berkata, pihaknya memasuki hari ke 34 bagi melakukan banciaan yang dimulakan sejak 7 Julai lalu merangkumi tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan dan pembalakan.

Menurutnya, secara ke-seluruhan banciaan dijalan-kan setakat ini membabitkan 423,195 pengusaha da-lam sektor pertanian di se-luruh negara.

Katanya, misalnya di Jo-hor, tempat kediaman (TK) dan pertubuhan per-niagaan terabit dalam sektor pertanian yang di-lawati bagi tujuan banciaan adalah sebanyak 36.6 pe-ratus.

"Segelintir dalam kala-ngan yang kita temui ke-tika melakukan banciaan merupakan pekerja dalam sektor pertanian dan bu-kan yang mengusahakan perusahaan berkenaan.

"Paling penting adalah kita mahu mengumpul dan mendapatkan maklu-mat serta data yang di-perlukan oleh negara da-ripada pengusaha sendiri termasuk berkaitan hasil, keluasan dan kaedah ta-naman.

"Kerajaan memerlukan maklumat berapa peratus penggunaan teknologi da-lam sektor pertanian ne-gara," katanya di sidang media ketika menjalankan banciaan di Kampung Pasir Gudang Baru di sini, ba-ru-baru ini.

Pihaknya turut melaku-kan proses banciaan di Muar ke Tangkak, Batu Pa-hat, Ulu Tiram, Masai dan Kulai.

Beliau berkata, pihaknya juga ingin mengumpul maklumat latar belakang pengusaha bagi mengena-pasti sejauh mana sektor pertanian bergerak maju.

Menurutnya, ia juga bagi mengenal pasti pembabi-tan pengusaha berpendi-dikan dan ilmu diadapta-sikan dalam teknologi penghasilan pertanian.

Katanya, perkara berke-naan sentiasa dititik berat-kan bahawa maklumat diperlukan adalah maklu-mat realiti dalam lapa-ngan.

"Justeru, saya memim-pin pasukan banciaan turun padang bagi memastikan dapatan atau penemuan menjadi input penting.

"Dalam kesempatan ini, kita juga berjumpa komu-niti dan menemukan pe-ngusaha boleh dijadikan ikon.

"Di Johor ramai dilihat berpotensi menjadi ikon dalam sektor pertanian malah menurut laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sektor Per-tanian di negeri Johor me-nyumbang 11.6 peratus ke-pada KDNK negeri, dengan nilai tambah sebanyak RM17.21 bilion," katanya.

Beliau berkata, misal-nya, terdapat sebuah pe-rusahaan di Johor sebelum ini mengusahakan sawit namun kini diubah kepada tanaman sayuran.

"Pengusaha itu menyen-takan hasil menanam 13 jenis sayuran bagi setiap ekar tanah menghasilkan hasil sembilan kali ganda lebih tinggi berbanding sa-wit.

"Bukan saya menyatakan semua perlu beralih na-mun ia mampu menam-pung masalah kekurangan barangan terutama moka-nan selain mewujudkan banyak peluang.

"Ia juga akan dipulang-kan balik kepada rakyat



MOHD Uzir (kiri) melihat ternakan kupang yang diusahakan sekumpulan masyarakat Orang Asli di Masai.

yang berdepan dengan kos sara hidup yang bergan-tung kerana ia bergantung kepada permintaan dan tawaran bekalan bara-ngan.

"Terutama ketika hasil tidak banyak atau kurang berpunca dari iklim, de-ngan teknologi dan kaedah tertentu, perusahaan itu tidak akan hanyut dan per-niagaan yang berdaya ma-hu ini tidak terpengaruh dengan iklim sebenarnya, faktor itu boleh dimitiga-si," katanya.

Mohd Uzir berkata, pi-haknya juga bangga de-ngan usaha sekumpulan Orang Asli di Masai yang mengusahakan ternakan kupang secara komersial.

"Saya berkesempatan menemui lebih 90 ke-luarga atau 300 penduduk mengusahakan ternakan kupang.

"Negeri Johor direkod-kan sebagai pengeluaran

kupang terbesar di negara ini, dengan pengeluaran lebih dua ribu metrik tan setiap tahun dan nilai eks-port sejumlah RM 4.7 juta.

"Saya melihat potensi dan usaha gigih dilaksa-nakan mereka yang dimu-lakan sejak 2003 serta menghasilkan pulangan berganda.

"Usaha gigih dan berani berubah adalah teras yang kita nampak berdasarkan kisah kejayaan dikecapi pe-tani," katanya.

Mohd Uzir berkata, di Muar misalnya ada petani menggabungkan aktiviti huluan dan hiliran.

Beliau berkata, mereka mengusahakan ternakan dan sayuran di kawasan seluar 18 ekar dan men-jualnya sendiri termasuk di restoran dimiliki.

"Dalam keadaan ini, isu harga turun barang me-reka dapat ditangani de-ngan baik kerana mereka

tidak bergantung kepada pihak lain untuk mema-sarkan barangan.

"Jadi amat jelas sektor pertanian berpotensi ber-dasarkan dapatan kita pe-rolehi, rata-rata mereka la-kukan adalah mengga-bungkan pertanian de-ngan huluan, hiliran dan sampingan.

"Ia menyebabkan value crushed dan survival dalam sektor pertanian adalah tinggi dan inilah diamal-kan di negara maju.

"Istilah petani yang di-kaitkan dengan kesusahan adalah tidak lagi semes-tinya ada, apa yang pen-ting adalah kerajinan dan data menunjukkan dengan teknik, teknologi pasti pro-duktiviti atau penghasilan dapat ditingkatkan," kata-nya.

Beliau berkata, ramai dalam kalangan petani perlu bergerak ke perta-nian di peringkat baharu.

"Kami juga dalam proses penyemakan dan banciaan dalam menghasilkan pro-fil pengusaha untuk me-lihat pembabitan golongan belia dalam pertanian.

"Mereka yang sudah su-dah berusia berharap pem-babitan golongan belia supaya terdapat kesinam-bungan dan kami menda-pati bimbingan veteran ke-pada belia adalah mena-rik.

"Ada yang berusia 70 ta-hun memberi bimbingan kepada belia ia suatu per-kara baik dalam lapangan ini," katanya.

Beliau berkata, rata-rata golongan petani juga menghargai peranan agensi dan kementerian berkaitan.

"Beberapa perkara perlu ditambah baik dan data akan dibentangkan supaya kekangan dan kekurangan berlaku, dapat dilihat agensi.

"Kami hanya memiliki kepakaran dalam segi sta-tistik manakala di pering-kat agensi mereka memi-liki kepakaran dalam bi-dang masing-masing bagi mengurus sektor pertani-an dan kerjasama koloborasi erat ini amat diper-lukan," katanya.

Banci Pertanian 2024 memainkan peranan pen-ting dalam perancangan dan pembangunan negara. Banci ini menyediakan maklumat yang diper-lukan untuk menyediakan penunjuk pertanian bagi tujuan sosioekonomi.

Banci Pertanian 2024 di negeri Johor ini akan membabitkan 193,095 TK dan 3,134 pertubuhan per-niagaan yang terabit da-lam aktiviti pertanian.



OPERASI Banci Pertanian 2024 di Johor bersama pengusaha kupang Orang Asli di Kampung Kuala Masai, Pasir Gudang, Johor. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

Banci pertanian penting untuk bergerak ke peringkat baharu

Bancian kumpul data keluasan, hasil, kaedah digunakan pengusaha di seluruh negara

Oleh Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Pasir Gudang: Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di Johor mendapati ramai penggiat bidang pertanian di negeri ini berpotensi menjadi ikon dalam lapangan diceburi.

Kotua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata proses bancian berjalan lancar dengan 35.3 peratus bancian selesai dilakukan di seluruh negara.

Beliau berkata, pihaknya memasuki hari ke-34 bagi melakukan bancian yang dimulakan sejak 7 Julai lalu merangkumi tanaman, ternakan, perikanan, pembalakan dan perhutanan.

Menurutnya, secara keseluruhan bancian dijalankan setakat ini membabitkan 423,195 pengusaha dalam sektor pertanian di seluruh negara.

Katanya, misalnya di Johor, tempat kediaman (TK) dan perubuhan perniagaan terbabit dalam sektor pertanian yang telah dilawati semasa bancian ini adalah sebanyak 36.6 peratus.

"Segelintir dalam kalangan yang kita temui ketika melakukan bancian adalah pekerja dalam sektor pertanian dan bukan yang mengusahakan perusahaan berkenaan.

"Paling penting, kita mahu mengumpul dan mendapatkan maklumat serta data diperlukan negara daripada pengusaha sendiri termasuk berkaitan hasil, keluasan dan kaedah tanaman.

"Kerajaan memerlukan maklumat berupa peratus penggunaan teknologi dalam sektor pertanian negara," katanya pada sidang media ketika menjalankan bancian di Kampung Pasir Gudang Baru di sini.

Beliau berkata, pihaknya juga ingin mengumpul maklumat latar belakang pengusaha bagi mengenal pasti sejauh mana sektor pertanian bergerak maju.

Katanya, ia juga bagi mengenal pasti pembabitin pengusaha berpendidikan dan ilmu diaplikasikan dalam teknologi penghasilan pertanian. Perkara itu dititikberatkan kerana ia mak-



Nelayan, Pudin Sin memeriksa tong biru yang menjadi tempat penternakan kupang segar yang diusahakan oleh masyarakat Orang Asli Seletar Kampung Kuala Masai. (Foto Nur Aisyah Mazalan/EH)

lumat realiti dalam lapangan.

Justeru, saya memimpin pasukan bancian turun padang bagi memastikan dapatan atau penemuan menjadi input penting.

"Kita juga berjumpa komuniti dan menemui pengusaha boleh dijadikan ikon. Di Johor, ramai berpotensi menjadi ikon dalam sektor pertanian, malah menurut laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sektor pertanian di negeri Johor menyumbang 11.6 peratus kepada KDNK negeri, dengan nilai tambah sebanyak RM17.21 bilion," katanya.

Beliau berkata, misalnya terdapat sebuah perusahaan di Johor sebelum ini mengusahakan kelapa sawit, namun kini diubah kepada tanaman sayuran. Tanaman 13 jenis sayuran bagi setiap ekar tanah itu menghasilkan hasil sembilan kali ganda lebih tinggi berbanding sawit.

"Bukan saya menyatakan semua perlu beralih, namun ia mampu menampung masalah kekurangan barangan terutama makanan. Selain mewujudkan banyak peluang dan akan dipulangkan balik kepada rakyat.

"Perusahaan itu tidak akan hanyut dan perniagaan yang berdaya maju ini tidak terpengaruh dengan iklim sebenarnya, faktor itu boleh dimitigasi," katanya.

Mohd Uzir berkata, pihaknya juga bangga dengan usaha sekumpulan Orang Asli di Masai yang mengusahakan ternakan kupang secara komersial.

"Saya berkesempatan menemui lebih 90 keluarga atau 300 penduduk mengusahakan ternakan kupang.



Mohd Uzir ketika Operasi Banci 2024 di Negeri Johor bersama pengusaha kupang Orang Asli di Kampung Kuala Masai, Pasir Gudang, Johor.

"Negeri Johor direkodkan sebagai pengeluar kupang terbesar di negara ini, dengan pengeluaran lebih 2,000 tan setiap tahun dan nilai eksport sejumlah RM 4.7 juta.

"Saya melihat potensi dan usaha gigih mereka yang dimulakan sejak 2003 serta menghasilkan pulangan berganda. "Usaha gigih dan berani berubah adalah teras yang kita nampak berdasarkan kisah kejayaan yang dikecapi petani," katanya.

Gabung huluan, hiliran

Mohd Uzir berkata, di Muar misalnya, terdapat petani yang menggabungkan aktiviti huluan dan hiliran. Mereka mengusahakan ternakan dan sa-

yuran di kawasan seluas 18 ekar dan menjualnya sendiri termasuk di restoran dimilili.

"Dalam keadaan ini, isu harga turun barang dapat ditangani dengan baik kerana mereka tidak bergantung kepada pihak lain untuk memasarkan barangan.

"Jadi amat jelas sektor pertanian berpotensi berdasarkan dapatan kita peroleh. Rata-rata mereka lakukan menggabungkan pertanian dengan huluan, hiliran dan sampingan.

"Ia menyebabkan *value crushed* dan *survival* dalam sektor pertanian tinggi dan inilah diutamakan di negara maju.

"Istilah petani yang dikaitkan dengan kesukasan sewajarnya tiada lagi, sebaliknya kerajinan dan data menunjukkan dengan

teknik, teknologi pasti produktiviti atau penghasilan dapat ditingkatkan," katanya turut berpendapat petani perlu bergerak ke pertanian di peringkat baharu.

"Kami juga dalam proses penyediaan dan bancian dalam menghasilkan profil pengusaha untuk melihat pembabitin belia dalam pertanian.

"Mereka yang sudah berusia berharap pembabitin golongan belia supaya terdapat kesinambungan dan kami mendapati bimbingan veteran kepada belia adalah menarik.

"Ada yang berusia 70 tahun memberi bimbingan kepada belia ia suatu perkara baik dalam lapangan ini," katanya.

Beliau berkata, rata-rata petani juga menghargai peranan agensi dan kementerian berkaitan.

"Beberapa perkara perlu ditambah baik dan data akan dibentangkan supaya kekurangan dan kekurangan berlaku, dapat dilihat agensi.

"Kami hanya memiliki kepakaran dalam segi statistik manakala di peringkat agensi mereka memiliki kepakaran dalam bidang masing-masing bagi mengurus sektor pertanian dan kerjasama kolaborasi erat ini amat diperlukan," katanya.

Banci Pertanian 2024 berperanan penting dalam perancangan dan pembangunan negara. Banci ini menyediakan maklumat yang diperlukan untuk menyediakan penunjuk pertanian bagi tujuan sosioekonomi.

Banci Pertanian 2024 di negeri Johor ini akan membabitkan 198,095 TK dan 3,134 perubuhan perniagaan yang terbabit dalam aktiviti pertanian.

AGRICULTURE CENSUS 2024

'Johor farmers can be leaders'

Agriculture sector contributes 11.6pc to state's GDP, says chief statistician

MARY VICTORIA DASS
PASIR GUDANG
news@nst.com.my

THE ongoing Agriculture Census 2024 by the Statistics Department in Johor has revealed that many farmers in the state have the potential to become trailblazers in the field of agriculture.

Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said according to the gross domestic product (GDP) report, the agriculture sector in Johor contributes 11.6 per cent to the state's GDP, with an added value of RM17.21 billion.

He added that the nationwide census process was proceeding smoothly, with 35.3 per cent completed.

He said the census, which began on July 7, had reached its 34th day and covered crops, livestock, fisheries, logging and timber.

To date, the census had involved 423,195 entrepreneurs in the agricultural sector nationwide, he added.

In Johor, he said, 193,095 residents and 3,134 business establishments in the agriculture sector had been visited, representing 36.6 per cent of all such properties in the state.

A few of the people we met during the census are workers in the agricultural sector.

The most important thing is gathering and obtaining information and data from the entrepreneurs themselves, including details related to yield, area and cropping methods.

The government requires information on the percentage of technology use in the country's agriculture sector," he said at a press conference during the census in Kampung Pasir Gudang Baru here on Friday.

Mohd Uzir said he also wanted to gather background information on agriculture entrepreneurs to assess the sector's advancement.

He said this data would be used to identify the involvement of educated entrepreneurs and adapted knowledge in agricultural production technology.

He added that he constantly emphasised the importance of obtaining real, on-the-ground information.

"This is why I am leading the census team into the field to ensure our findings provide important inputs."

On this occasion, we also meet the community and identify entrepreneurs who can be used as icons, as the agriculture sector in Johor contributes 11.6 per cent to



Statistics Department officers inspecting a mussel farm operated by a group of Orang Asli in Kampung Kuala Masai, Pasir Gudang, on Friday.
PIX BY NUR AISYAH MAZALAN

the state's GDP, with an added value of RM17.21 billion."

For example, he said, there was a company in the state that previously cultivated oil palm, but had since switched to vegetable crops.

It reported that its yield from planting 13 types of vegetables per acre of land is nine times higher than that from oil palm.

"I'm not saying that every entrepreneur needs to make such a change, but decisions like this allow us to address issues such as the lack of goods, especially food, and create many opportunities."

"With the right methods and technology, businesses can mitigate the effects of climate on yields."

Mohd Uzir said he was also proud of the efforts of a group of Orang Asli in Masai, who farmed mussels commercially.

"I had the opportunity to meet more than 90 families, or 300 residents, involved in the farming of mussels."

Johor is recorded as the largest mussel producer in the country, with an annual production exceeding 2,000 metric tonnes and an export value of RM4.7 million.

"I recognise the potential and hard work of those who started their business in 2003 and have since achieved good returns."

"Perseverance and the courage to change is at the core of the success stories of these farmers."

Mohd Uzir said in Muar, for example, some farmers had integrated upstream and downstream activities, adding that they cultivated livestock and vegetables on a 7.2ha site, sell their produce themselves, and also operate their own restaurants.



Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (left) showing the farmed mussels in Kampung Kuala Masai in Pasir Gudang.

"In this scenario, issues related to the falling prices of their goods can be managed effectively because they do not depend on others to market their products."

"Our findings clearly show that the agricultural sector holds a lot of potential. We find that successful entrepreneurs combine agriculture with upstream, downstream and ancillary activities."

"Farming is no longer associated with hardship. What matters is craftsmanship and the data show that with the right techniques and technology, productivity and production can be increased."

He said many farmers needed to advance to a new level of agriculture.

"We are also working on producing profiles of entrepreneurs to assess youth involvement in agriculture."

The older generation hopes for more youth involvement so that there is continuity, and we have observed veteran farmers guiding the youth, which is interesting.

"There are 70-year-olds mentoring young farmers, which is a good thing in this field."

He added that the average farmer also valued the role of related agencies and ministries.

"Some things need improvement and the data will be presented so that relevant agencies can address constraints and deficiencies."

"We have expertise only in statistics, while the agencies have expertise in their respective fields to manage the agricultural sector, and this close collaboration is essential."

The Agriculture Census 2024 plays a vital role in national planning and development, providing the information needed to generate agricultural indicators for socioeconomic purposes.